

24/05/1999

Malaysia mewakili suara negara membangun

Kadir Dikoh

MALAYSIA tidak harus kecewa dengan hasil mesyuarat Menteri Kewangan Forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) di Langkawi minggu lalu terutama kegagalan mendapat permuafakatan dalam saranan untuk mengawal selia kegiatan pedagang mata wang dan aliran modal jangka pendek berikutan tentangan hebat Amerika Syarikat.

Apabila isu ini mula ditimbulkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika berucap pada seminar tahunan Bank Dunia di Hong Kong pada September 1997, Malaysia bukan saja seseorang malah menerima ejekan dan kutukan. Ini termasuk saranannya supaya dibendung pembiayaan (leveraj) keterlaluan institusi.

Kini, Malaysia bukan lagi seseorang. Di Langkawi, antara yang menyokong pandangan itu ialah Jepun, Hong Kong, China dan Taiwan iaitu gergasi ekonomi Asia sekurang-kurangnya sebelum krisis kewangan serantau tercetus. Di kalangan negara maju, Perancis, Kanada dan Jerman memberi sokongan kepada Malaysia dalam isu ini.

Perjuangan Malaysia selama ini sudah berjaya mempengaruhi sebahagian masyarakat antarabangsa apabila semua 21 Menteri Kewangan Apec termasuk dari Amerika Syarikat melahirkan komitmen dan sepakat mengenai keperluan sektor swasta dan awam mewujudkan suasana ketelusan dan penzahiran lebih tinggi terutama terhadap leveraj keterlaluan institusi (HLI).

Suasana sedemikian antaranya adalah untuk membendung pemberian pembiayaan (leveraj) keterlaluan kepada institusi pasaran yang terbabit dengan kegiatan spekulasi iaitu satu lagi isu dalam kerangka kewangan antarabangsa selain soal kawal selia.

Malah, kritikan berterusan Malaysia terhadap ketidakadilan penarafan oleh agensi penarafan antarabangsa kredit turut menerima sokongan antarabangsa apabila pemimpin Apec mewakili 21 negara meminta kajian dibuat terhadap kegiatan agensi terbabit seperti terkandung dalam Deklarasi Kuala Lumpur pada November 1998.

Susulan daripada itu, mesyuarat Menteri Kewangan Apec di Langkawi kali ini dalam kenyataan bersama turut mengarahkan satu kajian dibuat mengenai kod amalan dan etika agensi penarafan bagi memperkukuhkan piawaian maklumat dan penzahiran. Dengan itu, satu lagi kemajuan dicapai dan diharap pemimpin Apec dalam sidang kemuncak mereka di Auckland, New Zealand September ini mencapai satu cadangan konkrit ke arah mengawal selia agensi ini.

Bagaimanapun, dalam soal mengawal selia kegiatan spekulasi mata wang, negara Asia dan negara maju nampaknya masih bertentangan pendapat. Ia bagaikan pemisah antara negara yang terjejas ekonominya oleh pedagang mata wang dan negara yang tidak atau belum terjejas oleh kegiatan itu. Saranan Malaysia itu adalah berkaitan prosedur dan kaedah mengawal selia sebarang bentuk kegiatan spekulatif mata wang.

Pertentangan itu nampaknya belum ada jambatan penghubung dalam hal ini antara Utara dan Selatan. Sebarang reformasi kerangka sistem kewangan antarabangsa akan sukar dilakukan tanpa sokongan gergasi dunia. Selagi orang seperti George Soros bermaharajalela, selagi itulah ekonomi dunia tidak akan kekal stabil.

Namun, Amerika Syarikat bagaikan 'mengizin' atau 'menghalalkan' kegiatan Soros apabila mendakwa kegiatan spekulator mata wang, walaupun tanpa dikongkong, boleh membantu menstabilkan kedudukan kewangan antarabangsa tetapi pendirian Malaysia yang disokong oleh beberapa negara terutama Hong

Kong, Taiwan, China dan Jepun adalah sebaliknya.

Menteri Kewangan Kedua, Datuk Mustapa Mohamed dalam sidang akhbar sehari sebelum mesyuarat di Langkawi itu diadakan berkata, pihaknya tidak menjangka untuk lahir satu cadangan konkrit daripada mesyuarat terbabit berkaitan usaha mengawal selia dagangan mata wang. Katanya, apa yang boleh dijangka ialah permuafakatan yang semakin meningkat mengenai isu ini terutama berikutan perkembangan positif dalam G7 baru-baru ini.

Beliau berkata, hanya negara yang menerima kesan kegiatan memanipulasikan mata wang itu tahu keperitannya termasuk Hong Kong selain Malaysia sendiri serta pelabur dalam dana lindung nilai Long Term Capital Management Fund (LTCM). "Oleh itu, sebagai negara yang terjejas oleh kegiatan manipulasi ini, sebenarnya tidak banyak, maka adalah sukar untuk bergerak ke depan mengenai isu ini. Namun beberapa kenyataan positif mengenainya muncul daripada institusi kewangan antarabangsa seperti Bank Dunia dan IMF selain beberapa negara rantau ini," katanya.

Sejauh mana usaha Malaysia ini nanti akhirnya diterima oleh masyarakat antarabangsa, hanya masa akan menentukan. Namun, satu perkembangan yang menggalakkan apabila Malaysia dimasukkan sebagai salah sebuah negara di luar kumpulan tujuh negara maju atau G7, ke dalam kumpulan kerja bagi menangani masalah pengaliran modal jangka pendek dalam rangka kerja G7.

Pada forum besar seperti inilah menjadi harapan Malaysia untuk terus memperjuangkan isu mengenai keperluan mengawal selia kegiatan spekulator mata wang. Selama ini, negara membangun tiada ruang untuk menyuarakan rintihan mereka mengenai isu penting yang perlu didengar oleh negara 'gergasi dunia'" dengan harapan supaya dunia membantu menanganinya.

Dalam kenyataan bersama yang dikeluarkan selepas mesyuarat di Langkawi itu, Menteri Kewangan sepakat supaya ekonomi baru muncul terutama di kalangan negara membangun dibawa bersama dalam forum lebih besar seperti G7 bagi perbincangan memperkukuhkan kerangka sistem kewangan antarabangsa.

Ia mengiktiraf keperluan bagi berbuat demikian tetapi berasaskan usaha memperbaharui sistem kewangan sejagat itu memerlukan masa. Ia mengarahkan timbalan kewangan dan bank Pusat Apec menyediakan laporan mengenai kemajuannya dalam sektor yang dikenal pasti untuk dibentangkan pada sidang kemuncak Apec di Auckland nanti.

Menteri Kewangan itu bersetuju supaya negara anggota mengelak mengguna pakai dasar berat sebelah yang menggalak pelaburan modal jangka pendek daripada jangka panjang, dalam usaha memperkukuhkan sistem kewangan.

Mesyuarat itu dihadiri semua Menteri Kewangan 21 negara anggota kecuali Amerika Syarikat, Chile, Vietnam dan Peru yang diwakili timbalan masing-masing. Amerika Syarikat diwakili Timbalan Setiausaha Perbendaharaannya, Lawrence Summers.

Menteri-Menteri Kewangan juga mahukan penyelarasan dan kerjasama lebih mantap di kalangan institusi kewangan antarabangsa supaya tindak balas mereka kepada krisis, akan menjadi lebih berkesan. Dalam hubungan ini, ia mahu IMF mencari jalan untuk terus memperbaiki pengawasan dan programnya, serta 'modus operandi' supaya sejajar dengan gambaran perubahan ekonomi dunia.

Ia turut mengalu-alukan daya usaha Kumpulan Pembiayaan Apec (AFG) untuk menganjur program latihan dan pendidikan bagi pengawal selia kewangan dari rantau ini.

Apa yang menjadi harapan ialah negara maju mendengar rintihan serta masalah negara membangun dan kecil, terutama soal mengawal selia kegiatan spekulator mata wang. Bagi Malaysia, ia akan terus menyuarakan sarannya itu pada forum antarabangsa bukan untuk kepentingan sendiri malah kepentingan masyarakat antarabangsa.

Sebagai mewakili suara negara membangun, saranan Malaysia itu seharusnya diambil perhatian dengan fikiran yang rasional oleh negara maju terutama

Amerika Syarikat.

(END)